

Banjir: Sarawak diletak paras amaran kuning

KUCHING 23 Jan. - Kerajaan Sarawak sekali lagi mengeluarkan amaran banjir hari ini iaitu kali kedua dalam tempoh kurang sebulan berikutan paras air beberapa sungai utama di negeri ini naik mendadak ekoran hujan lebat sejak kelmarin.

Serentak dengan itu, Sarawak kini diletakkan pada paras amaran tahap kuning dengan ramalan banjir kemungkinan berlaku dalam tempoh terdekat berikutan ramalan hujan lebat berterusan sehingga Ahad ini di beberapa kawasan di negeri itu.

Hujan lebat sejak kelmarin juga menyebabkan beberapa kawasan rendah sekitar Bau mulai dinaiki air sejak pagi ini.

Akibatnya dua buah sekolah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan (SJK) Chung Hwa Sungai Moyang, Batu Kawa dan Sekolah Kebangsaan Pasir Pandak, Santubong terpaksa ditutup kerana laluan masuk ke sekolah ditenggelami air.

Manakala sebuah lagi sekolah, Sekolah Menengah Matang Hilir terpaksa menangguhkan kelas sesi petang hari ini kerana masalah sama.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr. George Chan sehubungan itu meminta penduduk di kawasan rendah khususnya Bau berjaga-jaga dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa amaran banjir.

Beliau berkata, baraj atau pusat kawalan air di Kuching juga akan dibuka petang ini bagi mengalirkan air sungai ke laut.